

asco

Firma
Guaman

11 TIPS MENGURUS PUSAKA

www.ascolaw.co

PENGENALAN

MENGAPA URUSKAN PUSAKA?

Harta Pusaka merupakan harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia.

Ia adalah sangat penting sehinggakan Allah SWT dalam beberapa ayat Al-Quran memberikan penerangan terperinci berkenaan cara pembahagiannya.

Allah swt berfirman;

"Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)"

(al-Quran, al-Nisa' 4:7)



Walaupun hukum dalam Islam adalah jelas, namun segi perlaksanaannya ia tetap turut tertakluk kepada undang-undang lain dalam Malaysia.

Dalam eBook '11 Tips Mengurus Pusaka' ini kami dari Firma Peguam ASCO akan memberikan anda tips bagaimana anda boleh menguruskan proses pengurusan pusaka bagi individu tersayang anda yang telah meninggal dunia.



1

KENAL PASTI WARIS

Waris bukanlah sahaja bermaksud mereka yang akan menerima sebahagian daripada harta pusaka si mati.

Waris juga berperanan untuk menentukan beberapa perkara penting bagi membolehkan proses pusaka bermula jika tiada wasiat yang dibuat oleh si mati.

Waris yang biasa kita ketahui adalah suami atau isteri, ibu dan bapa, anak lelaki dan perempuan.

Tetapi sebenarnya terdapat juga ahli keluarga lain yang turut menjadi waris. Untuk membantu anda menentukan siapa yang layak menjadi waris anda boleh ke portal berikut;

<http://www.faraid.gov.my/Faraid/simulasi.do>

2

KENAL PASTI PENTADBIR

Selepas anda telah mengenalpasti waris, anda boleh bermesyuarat sesama waris untuk melantik seorang atau dua (2) orang daripada waris tersebut untuk menjadi pentadbir.

Pentadbir adalah individu yang diberi kuasa oleh Mahkamah Tinggi atau agensi kerajaan berkaitan untuk mewakili kesemua waris untuk urus Harta Pusaka.

Ada tiga cara lantikan pentadbir;

- Lantikan oleh si mati melalui wasiat yang sah dan perlu di deklarasikan oleh Mahkamah Tinggi secara Probet; atau
- Lantikan secara persetujuan bersama antara waris yang tinggal dan perlu disahkan oleh Mahkamah Tinggi melalui permohonan Surat Kuasa Mentadbir.

Kadang-kala si mati ada meninggalkan dokumen kepada sesuatu institusi atau individu seperti peguam si mati, Amanahraya atau ahli keluarga dalam soal lantikan pentadbir dalam wasiat.

PENTING!

Jika si mati tiada wasiat, anda dan waris-waris disarankan untuk melantik mereka yang jujur, sihat dan amanah. Waris-waris boleh melantik sehingga dua orang jika keadaan mengizinkan.



3

KENAL PASTI WASIAT

Selain dari berfungsi sebagai kata-kata akhir si mati, wasiat turut boleh berperanan dalam menentukan soal lantikan pentadbir si mati, deklarasi harta sepencarian, senarai harta dan hutang serta maklumat lain yang penting.

Jika wasiat telah dibuat oleh si mati, ia selalunya boleh dijumpai di tempat berikut;

- Semak dokumen di pejabat, rumah atau peti besi bank yang disewa; atau
- Peguam atau individu dipercayai si mati;

PENTING!

Pastikan wasiat yang ditandatangani mempunyai saksi agar kesahihannya tidak boleh disangkal dan dipertikaikan.

4

KENAL PASTI HUTANG

Salah satu keutamaan dalam pengurusan pusaka adalah melangsaikan hutang si mati.

Ini boleh dilakukan melalui beberapa cara;

- Semak dokumen di pejabat, rumah atau peti besi bank yang disewa untuk perjanjian pembiayaan atau hutang;
- Menghantar surat kepada pihak bank dan institusi kewangan lain;
- Membuat pengumuman akan kematian si mati di laman sosial si mati berkenaan tuntutan hutang; dan
- Melaksana carian CCRIS Bank Negara dan CTOS.

PENTING!

Ambil maklum pihak institusi dan syarikat tidak akan bekerjasama jika anda tidak mempunyai pengesahan mahkamah sebagai Pentadbir Pusaka. Jika Pentadbir telah dilantik, Pentadbir boleh memberi kuasa kepada Peguam untuk melakukan proses carian hutang dengan pihak berkaitan.

5

KENAL PASTI ASET & HARTA

Untuk mengenal pasti harta dan aset, ini adalah cara yang boleh anda lakukan;

- Semak dokumen di dalam emel, pejabat, rumah atau peti besi bank yang disewa untuk mengenal pasti harta si mati sama ada saham, geran dan perjanjian kehutangan dan hak kepada si mati.
- Menghantar surat kepada pihak bank dan institusi kewangan & simpanan seperti KWSP, KWAP, ASB dan lain-lain.
- Pengumuman akan kematian si mati di laman sosial di mati berkenaan tuntutan hutang;

- Menghantar surat kepada institusi pengurusan dana pelaburan; dan
- Carian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

PENTING!

Ambil maklum bahawa pihak institusi dan syarikat tidak akan bekerjasama jika anda tidak mempunyai pengesahan mahkamah sebagai Pentadbir Pusaka. Jika Pentadbir telah dilantik, Pentadbir boleh memberi kuasa kepada Peguam untuk melakukan proses carian hutang dengan pihak berkaitan.





KENAL PASTI KEWUJUDAN HIBAH

Hibah merupakan sebuah cara yang dibenarkan Islam untuk memberikan sesuatu harta dari seorang individu yang masih hidup kepada individu yang lain.

Di Malaysia Hibah mengakibatkan harta yang telah dihibahkan tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka yang boleh di faraidkan.

Ini bermaksud jika Hibah tersebut sah, individu yang dinyatakan si mati ketika hidup akan menerima harta si mati tanpa melalui proses pusaka yang lain.

Walau bagaimana Hibah akan hanya dianggap sah apabila disahkan oleh Mahkamah Syariah.

Proses pengesahan boleh dilakukan ketika sebelum kematian si mati atau setelah kematian si mati. Status sah Hibah ini tertakluk kepada keputusan Mahkamah Syariah.



TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN

Ramai terlupa bahawa si suami atau si isteri kepada si mati mempunyai hak untuk menuntut harta sepencarian sebelum harta dibahagikan mengikut faraid di kalangan waris.

Harta sepencarian adalah harta yang diperolehi secara bersama kerana sumbangan suami isteri dari segi wang, sokongan dan kehidupan yang dibina bersama.

Mahkamah Syariah selalunya memberi hak sebanyak $\frac{1}{3}$ dan $\frac{1}{2}$ dan boleh sehingga $\frac{2}{3}$ dari harta peninggalan si mati mengikut kepada tahap sumbangan yang diberi.

PENTING!

Untuk memudahkan pembuktian harta sepencarian anda boleh menyertakan resit pembayaran pinjaman, saksi dan lain-lain untuk menunjukkan usaha yang dibuat bersama mengecapi harta yang dibina bersama.



KENAL PASTI CARA PEMBAHAGIAN

Jika kesemua waris ingin membahagi harta pusaka secara sama rata, ia perlu dipersetujui terlebih dahulu,

ia bukanlah kesalahan untuk membahagi sama rata jika semua waris bersetuju berbuat demikian.

Adalah lebih elok jika deklarasi tersebut dicatitkan dan disaksikan agar ini tidak merumitkan dan memudahkan mahkamah membuat keputusan dalam soal pembahagian harta pusaka.

Jika tiada kata sepakat untuk pembahagian secara sama rata, maka pembahagian faraid akan digunakan.

Bagi urusan pusaka di bahagian Pusaka Kecil, Pejabat Tanah dan Galian, anda tidak perlu Sijil Faraid kerana kebiasaannya Unit Pusaka Kecil akan membuat kiraan bagi pihak waris.

Bagi urusan pembahagian pusaka di Mahkamah Tinggi anda akan memerlukan Sijil Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.



PENOLAKAN HAK PUSAKA

Sebagai waris anda juga berhak menolak hak pusaka yang anda layak terima.

Rekodkan keputusan tersebut dan maklumkan kepada pentadbir dan mahkamah. Ini membolehkan proses pembahagian pusaka berjalan lebih lancar.



10

KENAL PASTI BADAN YANG SESUAI BAGI NILAI DAN BENTUK HARTA PUSAKA

Jimat masa dengan mengetahui badan berkaitan yang boleh kelola urusan pusaka anda.

Nilai dan bentuk harta pusaka menentukan badan kerajaan mana yang akan memberi kuasa pembahagian kepada Pentadbir.

- Jika harta bernilai RM2,000,000 dan ke bawah maka anda boleh ke Unit Pusaka Kecil.
- Jika harta alih tidak melebihi RM600,000 maka anda boleh ke Amanah Raya.
- Jika harta melebihi nilai RM2,000,000 maka anda perlu ke Mahkamah Tinggi untuk memulakan proses pembahagian pusaka.

PENTING

Jika nilai harta pusaka adalah bernilai BAWAH RM2,000,000 dan anda ingin mempercepatkan proses mendapat Surat Kuasa Tadbir, anda boleh terus memohon Surat Kuasa Tadbir atau Probet (jika ada wasiat) dari Mahkamah Tinggi.



KENAL PASTI BADAN YANG BERKELAYAKAN

Terdapat beberapa pihak saja yang boleh membantu anda dalam urusan pusaka sebagai Pentadbir. Antaranya;

- Peguam;
- Syarikat Amanah;
- Amanah Raya; dan
- Baitul Mal mengikut enakmen negeri masing-masing.

PENTING!

Walaupun pihak-pihak di atas boleh membantu, tetapi hanya Peguam boleh mewakili anda dalam proses dokumentasi di Mahkamah Tinggi.



KESIMPULAN

Banyak perkara yang perlu diambil kira dan maklumat yang perlu diketahui dalam melaksanakan pengurusan harta pusaka.

Pun begitu, tidak kira apa langkah yang anda pilih dan akan lakukan, pastikan anda mendapat nasihat yang berasaskan undang-undang agar ia memudahkan dan melancarkan proses pengurusan harta pusaka si mati.



Disediakan sebagai panduan am oleh;



**AKMAL SAUFI MOHAMED
KHALED**
Peguam



AHMAD SOLEHIN ABD GHANI
Peguam

Kandungan penulisan ini, ketika tarikh ia diterbitkan adalah hanya sebagai rujukan umum. Ia tidak sama sekali bagi tujuan nasihat perundangan. Dapatkan nasihat guaman mengenai situasi anda secara khusus sebelum mengambil sebarang tindakan.

asco

Firma
Guaman

Emel | hello@ascolaw.co
Mobil | +6012-282 5848
Web | www.ascolaw.co

Hakcipta Terpelihara. 2021